



# Mencari Penyelesaian Perkahwinan di Bawah Umur

STATISTIK yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mendapati sebanyak 1665 orang perempuan di bawah umur berkahwin pada tahun 2018.

Di antara jumlah tersebut, sebanyak 1372 orang beragama Islam daripada pelbagai kaum, manakala 293 orang lagi ialah kanak-kanak perempuan bukan Islam.

Bagi lelaki pula, data tersebut menunjukkan sebanyak 191 orang lelaki di bawah umur berkahwin pada tahun yang sama, dengan 170 orang ialah lelaki beragama Islam dan 21 orang lelaki bukan beragama Islam. Berdasarkan pecahan kaum, sebanyak 1314 orang ialah bumiputera, kaum Cina (lima orang), India (tiga orang) dan lain-lain (50 orang).

Pecahan umur untuk perempuan di bawah umur beragama Islam pula menunjukkan sebanyak 831 orang

berkahwin pada usia 17 tahun, 408 orang (16 tahun) dan 101 orang (15 tahun). Hanya bumiputera yang mencatatkan perkahwinan di bawah usia 15 tahun, iaitu 29 orang pada usia 14 tahun, seorang (13 tahun) dan dua orang (12 tahun). Bagi kategori bukan Islam pula, sebanyak 174 orang ialah bumiputera, diikuti dengan Cina (92 orang), India (17 orang) dan lain-lain (10 orang). Bagi kategori itu, sebanyak 167 orang perempuan berkahwin pada usia 17 tahun dan 95 orang ketika berusia 16 tahun. Hanya bumiputera bukan Islam yang mencatatkan perkahwinan di bawah usia 16 tahun, iaitu 23 orang (15 tahun), tujuh orang (14 tahun) dan seorang (13 tahun).

Daripada dapatan di atas, ternyata isu yang pernah menggemparkan negara apabila seorang lelaki berusia 41 tahun berkahwin dengan kanak-kanak berusia 11 tahun pada Julai 2018 bukanlah isu yang terpencil. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk tahun 2018 sahaja, KPWKM merekodkan sebanyak 1665 orang perempuan berkahwin di bawah umur dan jumlah ini jika mengambil kira data perkahwinan di bawah umur mereka yang beragama Islam, ternyata jumlahnya meningkat pada tahun 2018 berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu 1372 orang (2018) dan 877 orang (2017).

Di bawah Akta 164, had umur yang ditetapkan bagi perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak ialah 18 tahun dengan Seksyen 10 memperuntukkan bahawa mana-mana perkahwinan yang berupa sebagai diupacarkan di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu, satu daripada pihak berumur di bawah 18 tahun melainkan jika bagi seseorang perempuan yang telah genap umur 16 tahun, pengupacaraan perkahwinan itu telah dibenarkan oleh suatu lesen yang diberikan oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2). Oleh itu, mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun yang hendak berkahwin memerlukan suatu

lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21 (2) Akta 164.

Akta 164 hanya terpakai kepada orang bukan Islam yang berdomisil di Malaysia, termasuk orang yang bermastautin di luar Malaysia. Hal ini bermaksud, akta ini tidak terpakai kepada peribumi Sabah, Sarawak dan orang asli di Semenanjung Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 3(4) yang menjelaskan bahawa akta ini tidaklah terpakai bagi mana-mana anak negeri Sabah atau Sarawak atau seseorang orang asli Semenanjung Malaysia yang perkahwinan dan perceraianya tertakluk kepada Undang-undang Adat Anak Negeri atau Adat Orang Asli melainkan jika;

- a. Dia memilih untuk berkahwin di bawah Akta ini;
- b. Dia membuat kontrak perkahwinannya di bawah Ordinan Perkahwinan Kristian [Sabah Bab 24]; atau
- c. Dia membuat kontrak perkahwinannya di bawah Ordinan Perkahwinan Sivil dan di Gereja [Sarawak Bab 92].

Dengan itu, peruntukan berkaitan had umur minima dan peruntukan lain yang berkaitan dengannya di bawah Akta 164 tidak terpakai apabila seorang kanak-kanak peribumi Sabah atau Sarawak atau orang asli memilih untuk tidak berkahwin di bawah Akta ini.

Jelas, had umur perkahwinan di negara ini bukan sahaja berlandaskan undang-undang tetapi turut mengambil kira faktor agama dan budaya yang diamalkan. Menyingkap had umur perkahwinan di kebanyakan negara, ternyata ada sebahagiannya mempunyai persamaan dan tidak kurangnya perbezaan yang ketara dengan Malaysia.

Misalnya, Artikel 9 Piagam Eropah dalam bidang hak kemanusiaan asas menyebut semua negara anggota bebas

untuk mewujudkan peraturan masing-masing dalam menentukan kelayakan untuk seseorang itu berkahwin. Tidak ada kekangan dikenakan kepada semua individu untuk berkahwin sekiranya mereka sudah mencapai tahap umur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, hal tersebut berlainan antara negara anggota dengan Kesatuan Eropah yang mencadangkan umur 18 tahun dipilih sebagai umur minima yang membolehkan pasangan tidak kira lelaki atau wanita berkahwin secara automatik. Dalam kalangan negara anggota Eropah, hanya Scotland memilih umur minima 16 tahun untuk kelayakan automatik perkahwinan dengan selebihnya menetapkan 18 tahun sebagai had umur minima.

Di negara ini, banyak pihak melahirkan kekusaran berhubung dengan isu perkahwinan di bawah umur, khususnya adakah kanak-kanak perempuan di bawah umur tersebut benar-benar bersedia menempuhi alam rumah tangga? Adakah perkahwinan tersebut mengikut kerelaan hati kanak-kanak tersebut atau ada unsur paksaan daripada keluarga? Ada juga yang melahirkan kebimbangan bagaimana kanak-kanak berumur 11 tahun yang pada kebiasaannya masih berada dalam dunia kanak-kanak – bermain dan belum mampu menguruskan diri sepenuhnya, menjadi isteri dan melayari bahtera perkahwinan?

Isu perkahwinan di bawah umur sememangnya mendapat perhatian pihak kerajaan. Untuk itu, KPWKMM komited meneruskan usaha mencari jalan penyelesaian yang terbaik melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan di Bawah Umur 2020 - 2025.

Menurut KPWKMM, pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga peringkat akar umbi untuk menangani faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan

di bawah umur. Menurut Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia, terdapat empat faktor utama yang menyebabkan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur di Malaysia, iaitu pendapatan rendah isi rumah, kurangnya intervensi sokongan ibu bapa, kekurangan akses pendidikan dan pendidikan seksual, serta kesihatan reproduktif (SRH).

Oleh itu, pelan tersebut dirangka dengan melibatkan 61 agensi pada peringkat kerajaan persekutuan serta negeri yang bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama yang menyeluruh daripada semua pihak. Pada November 2019, KPWKMM menjelaskan bahawa tujuh buah negeri, iaitu Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan tidak setuju untuk meminda undang-undang berkaitan dengan perkara tersebut. Sementara itu, bagi masyarakat bukan Islam, Kementerian Dalam Negeri memaklumkan bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Hal ini dikatakan demikian kerana berikutan undang-undang yang sedia ada memperuntukkan had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan perempuan ialah 18 tahun. Oleh itu, pengecualian hanya diberikan kepada perempuan berumur 16 dan 17 tahun yang perlu mendapatkan kebenaran daripada ketua menteri atau menteri besar. Untuk rekod, permohonan perkahwinan di bawah umur berkuat kuasa pada 22 Ogos 2018.

Timbul gesaan agar tidak harus ada pengecualian bagi had umur dalam undang-undang untuk semua kerangka perundangan di Malaysia bagi orang Islam, bukan Islam,

bumiputera Sabah dan Sarawak, serta orang asli dari Semenanjung Malaysia.

Menurut Pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Noor Aziah Mohd Awal, gesaan yang perlu diberikan keutamaan termasuklah mengiktiraf bahawa kerangka perundangan yang bersifat sokongan diperlukan untuk mengakhiri perkahwinan kanak-kanak dan kerajaan juga harus mengkaji beberapa cadangan untuk mengakhiri permasalahan ini.

Antara cadangan yang dikemukakan termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Institusi Zakat Negeri perlu mewujudkan dana khas untuk kanak-kanak keluarga berpendapatan rendah bagi membayar kos tambahan persekolahan; Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia perlu menganjurkan seminar atau bengkel untuk ibu bapa kanak-kanak; KPM dan UNICEF Malaysia perlu memastikan akses pendidikan berkualiti untuk kanak-kanak; menggubal dasar yang efektif untuk memperkasakan kanak-kanak perempuan hamil yang menghadiri persekolahan; menambah baik kualiti dan kebolehsediaan pendidikan bagi kanak-kanak perempuan untuk menangani kekurangan akses pendidikan dan isu kehadiran ke sekolah yang merosot; dan menyediakan pendidikan kesihatan yang komprehensif berasaskan sekolah dan meningkatkan akses terhadap maklumat kesihatan diri kanak-kanak.

Yang lebih penting, dalam menentengahkan isu perkahwinan di bawah umur dengan lebih serius, kajian jangka panjang sewajarnya diadakan agar semua pihak benar-benar dapat mengenal pasti kesan perkahwinan kanak-kanak dari segi kesihatan, reproduksi, psikologi dan kesejahteraan. ▣